MALAYSIAN ASSURANCE ALLIANCE BHD A

lwn.

RATA (MALAYSIA) SDN BHD & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
HADHARIAH SYED ISMAIL PK
[RAYUAN SIVIL NO: R3-12A-1429-2009]
4 JUN 2010

INSURANS: *Polisi pampasan pekerja - Liabiliti penanggung insurans - Tanggung rugi - Responden pertama membeli polisi insurans dari perayu untuk melindungi pekerja-pekerjanya - Sama ada nota lindungan dan polisi yang dikeluarkan oleh perayu merangkumi perlindungan di bawah common law ke atas pekerja-pekerja responden pertama* C

INSURANS: *Pentafsiran polisi - Tanggung rugi - Liabiliti penanggung insurans - Responden pertama membeli polisi insurans dari perayu untuk melindungi pekerja-pekerjanya - Sama ada nota lindungan dan polisi yang dikeluarkan oleh perayu merangkumi perlindungan di bawah common law ke atas pekerja-pekerja responden pertama* D E

UNDANG-UNDANG BURUH: *Pampasan pekerja - Polisi insurans, tafsirannya - Liabiliti penanggung insurans - Tanggung rugi - Responden pertama membeli polisi insurans dari perayu untuk melindungi pekerja-pekerjanya - Sama ada nota lindungan dan polisi yang dikeluarkan oleh perayu merangkumi perlindungan di bawah common law ke atas pekerja-pekerja responden pertama* F

Responden pertama telah membeli satu polisi insurans pampasan pekerja ('polisi') dari perayu untuk melindungi pekerja-pekerjanya dari risiko kerja semasa menjalankan kerja-kerja di tapak projek G pembinaan bangunan. Sebelum polisi dikeluarkan, perayu telah terlebih dahulu mengeluarkan satu nota lindungan. Semasa tempoh sah polisi, satu kemalangan telah berlaku di tapak projek yang melibatkan plaintif, seorang pekerja sub-kontraktor responden pertama. Plaintif memfailkan tuntutan terhadap responden di H Mahkamah Sesyen, menuntut gantirugi untuk kecederaan dan kerugian yang dialaminya. Hakim Mahkamah Sesyen membenarkan tuntutan plaintif. Responden membawa masuk perayu sebagai pihak ketiga untuk menuntut tanggung rugi, tetapi perayu menafikan liabiliti dengan bergantung kepada klausa-klausa pengecualian di I dalam polisi. Hakim Mahkamah Sesyen membenarkan tuntutan

A responden untuk tanggung rugi, mengakibatkan rayuan semasa oleh perayu. Penentuan sama ada perayu wajib memberi tanggung rugi berkisar atas isu yang berikut: Sama ada nota lindungan dan polisi yang dikeluarkan oleh perayu kepada responden pertama merangkumi perlindungan di bawah common law ke atas pekerja-
B pekerja responden pertama, termasuk plaintif.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Berdasarkan fakta, responden telah menyatakan dengan jelas di
C dalam nota lindungan bahawa mereka membeli insuran itu untuk melindungi kesemua pekerja termasuk pekerja sub-kontraktornya. Perkataan "Common Law" juga tertera dengan nyata. Maka sewajarnya polisi yang dikeluarkan oleh perayu mengikut kehendak atau keperluan perlindungan yang diminta
D oleh responden. Adalah tidak adil kepada responden yang membayar premium atas kepercayaan bahawa perlindungan di bawah common law akan diberi, hanya untuk dikecualikan kemudiannya oleh perayu. Responden mempunyai "legitimate expectation" bahawa polisi yang akan dikeluarkan oleh perayu
E adalah berasaskan terma-terma dalam nota lindungan. Pada masa yang sama, ia tidak dinyatakan mana-mana di dalam polisi bahawa terma-terma di dalamnya mengatasi terma-terma di dalam nota lindungan. Sebelum polisi itu dikeluarkan, perayu
F sepatutnya memaklumkan kepada responden bahawa tidak ada perlindungan untuk common law dan bahawa perlindungan adalah terhad kepada tuntutan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja. Tindakan perayu memasukkan terma-terma yang bercanggah dengan terma-terma di dalam nota lindungan tanpa memberitahu responden terjumlah sebagai salahnyataan. Selain
G dari itu, mahkamah ini bersetuju dengan hujah responden bahawa wujud kesangsian sama ada sebenarnya perlindungan di bawah common law itu dikecualikan apabila kedua-dua nota lindungan dan polisi dibandingkan. Dalam keadaan sebegitu, tafsiran yang memihak kepada responden harus digunapakai,
H iaitu nota lindungan dan polisi merangkumi perlindungan di bawah common law ke atas pekerja-pekerja sub-kontraktor responden pertama, iaitu plaintif. (perenggan 15)

I

Kes-kes yang dirujuk:
Amanah Raya Bhd v. Jerneh Insurance Bhd [2005] 2 CLJ 393 CA ***(dirujuk)***
Dawsons Ltd & Bonnin & Ors [1922] All ER Rep 88 ***(dirujuk)***
Malaysia National Insurance Sdn Bhd v. Malaysian Rubber Development Corp [1986] 2 CLJ 285; [1986] CLJ (Rep) 185 SC ***(dirujuk)***
Pacific & Orient Insurance Co Sdn Bhd v. R Kathirvelu [1992] 1 CLJ 348; [1992] 1 CLJ (Rep) 251 SC ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu/pihak ketiga - Andrew Khoo; T/n Khoo & Sidhu
Bagi pihak responden/defendan - En Ramesh; T/n Chellam Wong

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Hadhariah Syed Ismail PK:

Pengenalan

[1] Rayuan oleh perayu/pihak ketiga adalah terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana bertarikh 30 Oktober 2009 yang membenarkan tuntutan responden untuk indemnity berasaskan isu-isu awalan yang dibangkitkan dalam Notis Permohonan responden di ms. 3-5 rekod rayuan.

Latarbelakang Fakta

[2] Responden Pertama telah membeli satu polisi insuran Workmen's Compensation Insurance Policy No. D305DB001288 daripada perayu dengan bayaran premium RM2,742.63. Tempoh sah polisi ialah dari 23 September 2005 hingga 22 September 2007. Tujuan polisi ini dibeli adalah untuk melindungi pekerja-pekerja responden daripada risiko kerja semasa menjalankan kerja-kerja di tapak projek pembinaan bangunan di Lot PT 6042, Taman Shamelin Perkasa, Mukim Kuala Lumpur. Sebelum polisi insuran itu dikeluarkan, perayu telah terlebih dahulu mengisukan nota perlindungan (cover note). Semasa tempoh sah polisi itu, pada 4 Februari 2006, satu kemalangan telah berlaku di tapak projek yang melibatkan plaintif, seorang pekerja sub-kontraktor responden pertama. Sebatang besi yang diangkat oleh kren terjatuh ke atas plaintif dan menyebabkan kecederaan.

[3] Plaintif memfailkan tuntutan terhadap responden-responden di Mahkamah Sesyen, menuntut gantirugi untuk kecederaan dan kerugian yang dialaminya. Selepas satu perbicaraan penuh, penghakiman yang memihak kepada plaintif telah diberikan oleh mahkamah sesyen pada 11 Mei 2009. Responden-responden membawa masuk perayu sebagai pihak ketiga untuk menuntut indemnity terhadap kesemua pampasan dan kos yang telah diberikan di bawah penghakiman 11 Mei 2009 itu. Perayu menafikan liabiliti dengan bergantung kepada klausa-klausa pengecualian di dalam polisi.

[4] Bagi maksud menjimatkan masa kesemua pihak dan tanpa perlu mengadakan satu perbicaraan penuh, responden-responden telah meminta mahkamah memutuskan tiga isu awalan berikut. Jika jawapan kepada isu-isu itu memihak kepada responden, maka penghakiman boleh dimasukkan kepada responden-responden. Ketiga-tiga isu itu ialah:

(a) Samaada Nota Lindungan Insuran Am (Cover Note) bertarikh 20 September 2005 dan Polisi Insuran Workmen's Compensation bernombor D305DB001288 yang diisukan oleh perayu kepada responden pertama merangkumi perlindungan di bawah "common law" ke atas pekerja-pekerja responden pertama termasuk pekerja sub-kontraktor responden pertama iaitu plaintif yang mengalami kemalangan di tapak projek pada 4 Februari 2006.

(b) Samaada perayu seharusnya dan wajib memberi indemnity penuh kepada responden serta menanggung liabiliti terhadap keseluruhan dan/atau segala gantirugi yang dituntut oleh plaintif dan/atau sumbangan terhadap keseluruhan dan/atau segala gantirugi dituntut oleh plaintif untuk kecederaan, kerugian dan kehilangan serta kos-kos berkaitan sepertimana yang diperintahkan di bawah penghakiman mahkamah bertarikh 11 Mei 2009 beserta kos guaman.

(c) Sekiranya jawapan kepada item (a) & (b) di atas adalah "ya", bahawa penghakiman dicatit ke atas tuntutan responden terhadap perayu.

Isu

[5] Samaada polisi insuran merangkumi perlindungan common law iaitu termasuk pekerja sub-kontraktor responden pertama iaitu plaintif.

Nota Lindungan (Cover Note)

[6] Sesalinan nota lindungan dapat dilihat di ms 17 rekod rayuan. Mukadimah nota lindungan mengandungi pernyataan berikut:

> Perlindungan yang diberi telah diisytihar,dipersetujui dan tertakluk kepada semua terma,syarat-syarat yang diendorskan di dalam Tatacara Piawaian Polisi Syarikat bagi klas insuran ini.

[7] Di ruangan "Keterangan Risiko" tercatit perkataan-perkataan berikut:

> On clerk of works, supervisors together with workers employed by all sub-contractors engaged in the works together with common law coverage. Engages with Proposed Construction and Completion of Filing, Substructure and Basement Works for 4-6 storey offices/shops on Lot 6042, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur.

[8] Di ruangan "extension of cover" dalam nota lindungan, perkataan-perkataan berikut dicatit:

> There is an extension cover for common law liability and 12 months maintenance period with effect from 23 September 2006 … that notwithstanding anything contained in the Insurance Policy issued by the Third Party, the Limit of Indemnity for the Insured's Liability at Common Law shall be limited to dollars One Million (RM1,000,000) in respect of any one claim or series of claims arising out of one event.

Polisi Insuran

[9] Polisi menyatakan seperti berikut:

> Now This Policy Witnesseth that if at any time during the Period Of Insurance any employee in the Insured's immediate shall sustain personal injury by accident or disease arising out of and in the course of his employment by the Insured in the Business and if the Insured shall be liable to pay compensation for such injury either under the law(s) set out in the schedule or Common Law then subject to the terms, exceptions and conditions contained herein or endorsed hereon, the Company will indemnify the Insured against all sums for which the Insured shall be so liable and will in addition be responsible for all costs and expenses incurred with its consent in defending any claim for such compensation.

[10] Klausa-klausa dalam polisi yang mengecualikan liabiliti perayu dan menjadi asas kepada pembelaan mereka ialah:

1. Exception (b) yang menyatakan:

> The Company shall not be liable under this Policy in respect of
>
> (a) ...
>
> (b) the Insured's liability to employees of contractors to the Insured.

2. Endorsement B pula menyebut:

> It is hereby understood and agreed that the indemnity herein granted is to cover the legal liability of the Insured to workman in the Employment of Contractors performing work for the Insured while engaged in the business and occupation in respect of which the policy is granted but only so far as regards claims under the Workmen's Compensation Legislation in force in Malaysia.

3. Klausa W60 pula memperuntukkan:

> It is hereby understood and agreed that subject otherwise to the terms, Exceptions and Conditions of the Policy, the indemnity herein granted is extended to cover the legal liability of the Insured to workmen in the Employment of sub-contractors performing work for the Insured while Engaged in the business and occupation in respect of which the within Policy is granted, but only so far as regards claim under
>
> The Workmen's Compensation Ordinance 1952 (Federation of Malaya)
>
> The Workmen's Compensation (Amendment) Ordinance 1956 (Federation of Malaya)
>
> The Workmen's Compensation Ordinance 1956 (Colony of Sarawak) The Workmen's Compensation Ordinance 1955 (Colony of North Borneo)
>
> The Workmen's Compensation (Amendment) Ordinance 1957 (Colony of North Borneo)
>
> The Workmen's Compensation (Amendment) Ordinance 1976 (Peninsular Malaysia)

> The Modification of Laws (Workmen's Compensation) (Extension and Modification) Ordinance 1981 including subsequent amendments to the said Ordinance and Enactments passed prior to the date of this endorsement.

Hujah Perayu

[11] Perayu berhujah bahawa Nota Lindungan hanya wujud sehingga tarikh polisi diisukan. Selepas polisi dikeluarkan, terma polisi akan mengganti (supersede) terma Nota Lindungan. Dalam kes ini, polisi berkuatkuasa dari 23 September 2005. Kemalangan berlaku pada 4 Februari 2006. Oleh itu terma Nota Lindungan tidak lagi berkuatkuasa pada tarikh berkenaan. Pernyataan tuntutan responden pula dikatakan hanya merujuk kepada polisi, bukannya Nota Lindungan. Oleh itu responden tidak boleh menolak terma-terma pengecualian dalam polisi. Responden terikat dengan terma-terma dalam polisi. Untuk menyokong hujah mereka, perayu merujuk kepada kes *Dawsons Ltd & Bonnin & Ors* [1922] All ER Rep 88 yang memutuskan:

> It was faintly contended on behalf of the appellants that this provision did not bind them, as it was not contained in the proposal which they signed, but only in the Policy which was not signed by them; but this contention appears to me to be wholly untenable. The appellants accepted the policy and sued upon it; and they cannot, while relying upon the policy, repudiate one of its provisions.

[12] Selanjutnya perayu berhujah bahawa terma-terma polisi jelas hanya melindungi pekerja-pekerja sub-kontraktor responden untuk tuntutan-tuntutan di bawah Workmen's Compensation Ordinance dan bukan di bawah common law.

Hujah Responden

[13] Responden berhujah bahawa wujud percanggahan dan kesamaran antara terma-terma di dalam Nota Lindungan dan polisi, terutamanya terma-terma mengenai pengecualian common law. Kedua-dua dokumen itu disediakan oleh perayu. Bila wujud kesamaran (ambiguity), kaedah *proferentum rule* harus digunapakai iaitu tafsiran yang memihak kepada pihak yang diinsurankan harus diambil. Kes-kes berikut dirujuk bagi menyokong hujahan.

A 1. *Malaysia National Insurance Sdn Bhd v. Malaysian Rubber Development Corp* [1986] CLJ 185 (Rep); [1986] 2 CLJ 285.

2. *Pacific & Orient Insurance Co Sdn Bhd v. R Kathirvelu* [1992] 1 CLJ 348; [1992] 1 CLJ (Rep) 251.

B 3. *Amanah Raya Bhd v. Jerneh Insurance Bhd* [2005] 2 CLJ 393.

[14] Selanjutnya, responden juga berhujah, walaupun terma-terma dalam Nota Lindungan tertakluk kepada terma-terma dalam polisi, tetapi tidak dinyatakan dalam Nota Lindungan bahawa polisi C mengatasi (supersede) terma-terma di dalam Nota Lindungan. Tambahan pula pengecualian-pengecualian ini tidak dimaklumkan kepada responden. Ini terjumlah kepada salahnyataan.

Keputusan

D **[15]** Setelah meneliti hujahan bertulis kedua-dua pihak dan kandungan rekod rayuan, saya berpendapat bahawa responden telah menyatakan dengan jelas di dalam Nota Lindungan bahawa mereka membeli insuran itu untuk perlindungan kepada kesemua E pekerja termasuk pekerja sub-kontraktor responden. Perkataan common law juga tertera dengan nyata. Maka sewajarnya polisi yang dikeluarkan oleh perayu mengikut kehendak atau keperluan perlindungan yang diminta oleh responden. Adalah tidak adil kepada responden yang membayar premium atas kepercayaan F bahawa perlindungan di bawah common law akan diberi, hanya untuk dikecualikan kemudiannya oleh perayu. Responden mempunyai "legitimate expectation" bahawa polisi yang akan dikeluarkan oleh perayu adalah berasaskan terma-terma dalam Nota Lindungan. Pada masa yang sama, saya tidak dapati di mana-mana G di dalam polisi yang menyatakan terma-terma di dalam polisi mengatasi (supersede) terma-terma di dalam Nota Lindungan. Sebelum polisi itu dikeluarkan, perayu sepatutnya memaklumkan kepada responden bahawa tidak ada perlindungan untuk common law dan bahawa perlindungan adalah terhad kepada tuntutan di H bawah Workmen's Compensation Ordinance. Tindakan perayu memasukkan terma-terma yang bercanggah dengan terma di dalam Nota Lindungan tanpa memberitahu kepada responden terjumlah sebagai salahnyataan. Selain daripada itu, saya bersetuju dengan hujah responden bahawa wujud kesangsian (ambiguity) samaada I sebenarnya perlindungan di bawah common law itu dikecualikan apabila kedua-dua Nota Lindungan dan polisi dibandingkan. Dalam

keadaan ada kesangsian, tafsiran yang memihak kepada responden harus digunapakai iaitu Nota Lindungan dan polisi merangkumi perlindungan di bawah common law ke atas pekerja-pekerja sub-kontraktor responden pertama iaitu plaintif.

[16] Atas sebab-sebab yang dinyatakan, saya menolak rayuan ini.